



RAYMOND Pang Sar (dua dari kiri) bersama Pengerusi Econpile Holdings Berhad, Krishnan Menon (tiga dari kiri) selepas pelancaran prospektus Tawaran Awam Permulaan Econpile di Bursa Saham Kuala Lumpur, semalam.

Rangkaian ARPOS tingkatkan hasil industri sawit

Oleh **MOHAMAD ARIFF MOHD. YUSOF**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Jun - Industri sawit negara bakal berkembang lebih pesat dengan penggunaan rangkaian Penyelidikan Akademik Kelestarian Minyak Sawit (ARPOS) yang menghasilkan teknologi baharu tanpa melibatkan sebarang penghasilan sisa.

Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad (Sime Darby), Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin berkata, penghasilan teknologi tersebut merupakan strategi mampan untuk masa hadapan industri sawit tempatan.

Menurutnya, kajian itu merupakan yang pertama dijalankan di negara ini dengan menghimpunkan pakar akademik dan saintis dari 13 buah universiti seluruh negara, dengan tujuan utama ARPOS adalah menghasilkan bentuk teknologi baharu daripada produk sawit berkonsep mesra alam dan 'sifar sisa'.

"Teknologi seumpama ini akan membuka peluang kepada kita untuk mempelajari bentuk kajian baharu dengan pelbagai program kerjasama yang bakal dilaksanakan," katanya dalam majlis pelancaran ARPOS di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UKM, Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Timbalan Naib Canselor, Datuk Dr. Saran Kaur Gill, Pengerusi Yayasan Sime Darby (YSD)-UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Mustafa Syed Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif YSD, Yatela Zainal Abidin.

Rangkaian ARPOS yang diasas-

1st Academic Research on Palm Oil Sustainability Network Symposium



WAN Mohd. Zahid Mohd. Nordin (kanan) menerima cenderamata daripada Syarifah Mastura Syed Abdullah sambil diperhati Dr. Saran Kaur Gill (kiri) di Bangi, semalam. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR

kan oleh UKM dengan kerjasama YSD sejak 2010 melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM20 juta menyasarkan pembangunan teknologi dalam industri sawit tempatan yang dijangka mampu menjana ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Menurut Wan Mohd. Zahid, sebelum ini sudah ada pihak yang menjalankan kajian sama tetapi dalam skala yang kecil dan sukar mendapatkan platform dalam industri tempatan.

"Perkara seumpama ini meru-

pakan satu bentuk halangan untuk kita menghasilkan teknologi dan jalan penyelesaian berkaitan pencemaran alam sekitar dan juga pertumbuhan ekonomi.

"Kerjasama daripada pelbagai universiti dari seluruh negara boleh mengelakkan berlakunya pengulangan kajian dalam bidang sama. Selain itu, hasil kajian dapat dicapai dalam masa yang lebih singkat dan menggalakkan pertukaran maklumat serta idea dalam kalangan penyelidik," katanya.